

09/04/2002

Keunggulan Anita tiada tandingan

Roslen Fadzil; Zul Husni Abdul Hamid

USIA hanyalah angka. Hakikat ini dibuktikan sendiri oleh Penghibur Evergreen, Anita Sarawak, di Stadium Putra, Bukit Jalil, malam kelmarin.

Tidak tahu di mana tersembunyinya kudrat Anita. Dia sudah setengah abad pada 23 Mac lalu tetapi Anita masih lagi sehebat Tina Turner!

Sepuluh tahun lalu, Anita ligat dan di Bukit Jalil, malam kelmarin pun, tenaga Anita tetap tahan lama. Malah ada yang berseloroh, kalau ada syarikat pengeluar bateri litium yang hendak mencari satu jenama baru, sesuai juga memilih nama Bateri Anita!

Begitu Anita Sarawak - diva warisan bakat Primadona Siput Sarawak dan Seniman Datuk S Roomai Noor.

Hujung minggu lalu, boleh dikatakan banyak juga acara berlangsung di Malaysia. Sana-sini peminat masih memperkatakan mengenai Salman Khan dan Jaya Bachchan yang muncul di Genting Highlands.

Pada malam Anita beraksi juga, Tan Sri S M Salim dan Siti Nurhaliza membuat konsert live di Angkasapuri dan sehari sebelumnya, Konsert Amal Ehsan Afghan berlangsung di PWTC, Kuala Lumpur.

Namun kesetiaan peminat terhadap Anita tidak pernah luntur. Dalam cuaca hujan pun, Stadium Putra tetap dibanjiri peminat penghibur itu termasuk yang datang dari Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Apa yang mengejutkan, kalau selama ini, Anita biasanya menghiburkan peminat elitnya di ballroom hotel, malam itu, kelihatan ramai datang bersama anak kecil termasuk yang masih memegang botol susu!

Di pentas, Anita tampak seperti seorang kakak dan ibu yang tidak putus-putus memberikan nasihat kepada penonton mudanya supaya menyayangi ayah dan ibu, sementara mereka masih hidup.

Malah perubahan drastik dilihat apabila dia lebih banyak membahaskan dirinya sebagai Kak Nita dan mengenakan fesyen kreatif rekaan Harun yang tidak banyak buka-buka.

Seperti yang dijanjikan, suami Anita, Mohd Mahathir Abdullah, membuka tirai konsert itu dengan lagu She Will Rock You, jam 8 45 malam.

Kemudian Anita muncul dengan lagu filem Evita yang diubahsuai sedikit liriknya, Don't Cry For Me Malaysia diiringi penari yang mengibarkan bendera, diikuti lagu Remaja Teknologi yang berirama rock.

"Sudah lama Kak Nita menanti saat ini dan memang Tuhan bukakan peluang pada malam ini," katanya kepada penonton selepas itu.

"Terima kasih semua kerana sudi datang. Tidak lupa kawan-kawan dari Singapura ibu, Datin Umi Kalthum dan adik-adik termasuk Noor Kumalasari. Kak Nita gembira setiap kali datang ke Malaysia dan Kak Nita berharap Malaysia akan jadi rumah tetap Kak Nita suatu hari nanti," katanya lalu disambut pekikan peminat.

Sedih terkenangkan rakan artis yang sudah pergi buat selama-lamanya yang digelarnya sebagai Entertainer Extraordinaire - Allahyarham Sudirman Haji Arshad, Anita kemudiannya mengalunkan lagu Bercanda Di Pasiran Pantai secara solo.

Diiringi sekumpulan penari yang memilih rentak cha cha, persembahan Anita begitu memukau! Itulah salah satu persembahan yang hebat, tambahan pula klip video Sudir muncul di layar putih di tengah pentas.

Meminggirkan kesedihan di hati, Anita menghangatkan semula malam itu dengan lagu popularnya, Tragedi Buah Epal.

Hilang seketika dari pentas, Anita muncul kembali dengan hiasan kerawang di kepala lalu menyanyikan lagu Minang, Ayam Den Lapeh dengan merdu

sekali. Lagu itu begitu unik apabila dimainkan oleh pemuzik latar pimpinan Helen Yap bersama tiupan sakti seruling bambu Mohar.

Seterusnya muncul satu lagi segmen istimewa yang tidak pernah ditonjolkannya dalam mana-mana persembahan. Sesudah bercerita mengenai jasa ayah dan ibunya, dia mengalunkan lagu Lekaslah Kembali yang disadurkan dari lagu lama, When Will I See You Again. Sekali lagi skrin pentas menyaksikan visual yang menyentuh hati - wajah Siput Sarawak dan S Roomai Noor dalam lakonan klasik mereka.

Ketika menukar baju, suami Anita, Mahathir menyanyikan pula lagu Enrique Iglesias, Hero.

Anita kembali lalu meneruskan pula segmen balada dengan lagu popularnya, Bawalah Daku Pergi, Cinta Nan Satu dan Asmara. Sekali lagi peminat melontarkan jeritan.

Suasana kecoh kembali apabila Anita menjayakan segmen joget. Dia berkebaya pendek hijau, dan memilih tiga melodi lama - Joget Gila Bayang, Lodeh Mak Lodeh, Joget Sayang Disayang dan Begawan Solo (irama keroncong).

Walaupun banyak kelainan yang ditonjolkan Anita dalam konsert mega itu, Anita nampaknya tidak dapat lari daripada imej persembahan Minggu Setiausaha apabila mengusik pasangan suami isteri, Maimunah dan Zainal.

Dendangan A Go Go, Korina, mengambil tempat sebelum Anita ke belakang pentas menukar pakaian lagi. Kekosongan itu diisi Mahathir dengan menyanyikan lagu Ricky Martin, She Bangs. Boleh tahan juga vokalnya itu. Selain suami, adik lelaki Anita, Darita, turut membantu melancarkan persembahan itu di pentas.

Segmen terakhir dipenuhi lagu rancak. Anita memilih lagu Mandarin, Bad Boy, selain Cup of Life, Turn The Beat Around, Simply The Best dan lagu wajibnya, Akhirnya Kini Pasti.

Sebelum beredar, Anita memperkenalkan barisan pemuziknya seperti Helen Yap, Mohar, Steve Thornton, Hillary Ang dan Aubrey Suwito. Manakala penyanyi latar pula dibarisi Adibah Noor, Hazlan Hussain dan Lin Ali.

Mendengar jeritan peminat memanggilnya, Anita kembali menyanyikan lagu terakhir, Never Say Goodbye sebagai penutup tirai.

Ketika ditemui dalam sidang media selepas itu, Anita berharap dia akan dapat membuat road tour di bandar lain di Malaysia dan ingin mengekalkan khidmat Helen Yap sebagai pengarah muziknya.

Di celah ribuan peminat, kelihatan rakan artis tempatan seperti Fendi & Danny X-Factor, Rashidi Ishak, Vanidah Imran, Aznil Nawawi, Den Wahab, Nora Tamam, Umie Aida, Erra Fazira, Rashid Sibir, ND Lala dan anaknya, Nurshahila, hadir memberikan sokongan moral kepada Anita.

Yang nyata, semua berpuas hati dengan persembahan Anita malam itu dan akhirnya kini pasti, Anita masih belum ada tandingan!

(END)